

Pesilat gembira sumbang rekod 57 emas

Sukan SEA KL tutup tirai

► **SITI AISYAH NORDIN**
naisyah@sph.com.sg
dari Kuala Lumpur

KETIBAAN srikandi dan pesilat negara di Terminal 2 Lapangan Terbang Changi petang semalam disambut penuh kegembiraan oleh anggota keluarga dan penyokong.

Kejayaan dua pingat emas, empat perak dan enam gangsa yang dimenangi pasukan silat negara di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur yang berakhir semalam turut menyumbang kepada pencapaian hebat kontinjen Team Singapore yang mencatatkan prestasi terbaiknya di temasya sukan ini di luar negara.

Kejayaan menggondol 57 emas adalah satu rekod baru bagi atlet Singapura yang beraksi di temasya Sukan SEA di luar negara – mengatasi rekod lama sebanyak 43 emas yang dimenangi di Sukan SEA Korat, Thailand, pada 2007.

Sekalipun berdepan pelbagai cabaran, termasuk beberapa keputusan juri yang dipertikaikan, juara dunia berganda yang beraksi dalam acara tanding Kelas J (90-95kg), Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, dan rakananya yang bertanding dalam acara seni puteri tunggal, Nurzuhairah Mohammad Yazid, menunjukkan keunggulan bagi merebut emas.

Mengongsi pengalaman memenangi emas sulung Sukan SEA-nya ini, Sheik Farhan berkata:

“Ya seperti pertama kali saya menjadi juara dunia.

“Saya ingin menghadiahkan kemenangan ini kepada pasukan silat kami, terutama bapa saya (Sheik Alau'ddin Yacoob Marican) dan keluarga. Ini kerana merekalah yang berada di sisi saya selama 19 tahun.

“Bapa saya seorang yang berpengaruh dalam perjalanan saya dalam silat, jadi apa jua pingat yang sa-

ya raih, ia juga satu kemenangan baginya.”

Di akhir temasya sukan selama sekitar dua minggu itu, Team Singapore boleh berbangga dengan 57 emas, 58 perak dan 73 gangsa – meletakkan negara ini di tangga keempat dalam senarai negara peserta.

Tuan rumah Malaysia memenuhi jangkaan awal muncul sebagai juara keseluruhan temasya dengan 145 emas, 92 perak dan 86 gangsa – melebihi sasaran awal 111 emas yang ditetapkan Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan jauh di depan pasukan di tangga kedua Thailand.

Thailand, juara keseluruhan Sukan SEA Singapura dua tahun lalu, menungut 72 emas, 86 perak dan 88 gangsa.

Vietnam di tangga ketiga (58-50-60).

Mengulas pencapaian bersejarah kontinjen Singapura, chef-de-mission Team Singapore Milan Kwee berkata:

“Ya satu persembahan yang cemerlang daripada Team Singapore dengan muka-muka baru mengatasi jangkaan, atlet mapan tidak mengecewakan dan kejutan manis daripada bowling, golf dan lumba basikal.

“Keseluruhannya, kami berpuas hati dengan persembahan dan usaha yang ditunjukkan atlet kita. Sekalipun mencatat prestasi yang baik, terdapat juga peningkatan yang boleh dilakukan.

“Jadi kami rasa markah A- adalah tepat sekali (bagi pencapaian atlet negara di temasya kali ini). Kami berharap ia akan mendorong kejayaan lebih besar lagi pada masa depan.”



PELUKAN TAHNIAH: Dua pesilat emas Sukan SEA, Sheik Farhan dan Nurzuhairah, mendapat pelukan tahniah daripada ibu masing-masing – Cik Sa'adiyah Sanuse (ibu Sheik Farhan) dan Cik Norah Masaod (ibu Nurzuhairah) – sekembalinya skuad silat ke tanah air petang semalam. – Foto ZALEHA ABDUL KADER

KHAMIS, 31 OGOS 2017 (9 ZULHIJAH 1438)

**Prestasi hebat
Team S'pore**
– Muka 20